

## PENGARUH AMALAN KEPIMPINAN GURU TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN DI SARAWAK

### *THE INFLUENCE OF TEACHERS' LEADERSHIP PRACTICES ON THE SELF-EFFICACY OF TEACHERS IN GOVERNMENT- AIDED RELIGIOUS PRIMARY SCHOOLS IN SARAWAK*

Francis Juman <sup>1\*</sup>  
Khalip Musa <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Perak, Malaysia  
(E-mail: [francisjuman806@gmail.com](mailto:francisjuman806@gmail.com))

<sup>2</sup> Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Perak, Malaysia  
(E-mail: [khalip@fpe.upsi.edu.my](mailto:khalip@fpe.upsi.edu.my))

\*Corresponding author: [khalip@fpe.upsi.edu.my](mailto:khalip@fpe.upsi.edu.my)

#### Article history

Received date : 15-2-2026

Revised date : 16-2-2026

Accepted date : 17-3-2026

Published date : 20-4-2026

#### To cite this document:

Juman, F., & Musa, K. (2026). Pengaruh amalan kepemimpinan guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 79 – 92.

**Abstrak:** Amalan kepemimpinan guru menekankan kolaborasi, inovasi dan peningkatan kualiti pengajaran. Guru berperanan sebagai pemimpin yang menyokong komuniti pembelajaran profesional serta kemenjadian murid selaras dengan aspirasi PPPM 2013–2025. Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh kepemimpinan guru terhadap efikasi sendiri guru. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik bagi mendapatkan data. Sampel kajian melibatkan 353 guru di Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan di Sarawak. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan kepemimpinan guru adalah tinggi iaitu pada nilai ( $M=4.23$ ,  $SP=.477$ ), manakala tahap efikasi sendiri guru juga adalah tinggi iaitu pada tahap ( $M=4.20$ ,  $SP=.403$ ). Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan amalan kepemimpinan guru dengan efikasi sendiri guru ( $r=.573$ ,  $sig=.000$ ). Kajian turut mendapati terdapat pengaruh signifikan amalan kepemimpinan guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak ( $R^2=0.328$ ,  $sig=.000$ ). Sebagai rumusan, kepemimpinan guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Implikasi kajian secara jelas menunjukkan bahawa pembangunan kepemimpinan guru berupaya meningkatkan efikasi sendiri guru, sehubungan itu proses pembangunan kepemimpinan guru ini perlu diperkasakan kerana ia menyumbang secara langsung kepada peningkatan efikasi sendiri guru.

**Kata Kunci:** Amalan Kepimpinan Guru, Efikasi Kendiri Guru, Kepimpinan sekolah, Pengurusan Sekolah

**Abstract:** *Teacher leadership practices emphasize collaboration, innovation and improving the quality of teaching. Teachers play the role of leaders who support the professional learning community and student development in line with the aspirations of the 2013–2025 PPPM. This study aims to determine the influence of teacher leadership on teacher self-efficacy. This study was conducted quantitatively using a survey through a questionnaire method to obtain data. The study sample involved 353 teachers in Government-aided Religious Primary Schools in Sarawak. Data analysis used descriptive and inferential methods. The study findings showed that the level of teacher leadership practices was high, at a value of ( $M=4.23$ ,  $SP=.477$ ) while the level of teacher self-efficacy was also high, at a level of ( $M=4.20$ ,  $SP=.403$ ). The study also showed that there is a significant relationship between teacher leadership practices and teacher self-efficacy ( $r=.573$ ,  $sig=.000$ ). The study also found that there is a significant influence of teacher leadership practices on the self-efficacy of government-aided religious primary school teachers in Sarawak ( $R^2=0.328$ ,  $sig=.000$ ). In conclusion, teacher leadership has a significant influence on teacher self-efficacy which contributes to the effectiveness of teaching and learning. The implications of the study clearly show that teacher leadership development is able to increase teacher self-efficacy, in this regard, the teacher leadership development process needs to be strengthened because it directly contributes to increasing teacher self-efficacy.*

**Keywords:** *Teacher leadership, Teacher self Efficacy, School leadership, School Management*

## Pendahuluan

Kerajaan Malaysia menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha merombak landskap pendidikan seiring dengan perkembangan pesat yang berlaku. Dunia pendidikan semakin menonjol dengan pelancaran Transformasi Nasional 2050 (TN50) sebagai visi negara bagi tempoh tiga dekad akan datang, menggantikan Wawasan 2020. Inisiatif TN50 ini turut mencetuskan perubahan besar dalam pelbagai sektor, termasuklah sektor pendidikan (KPM, 2017). Reformasi pendidikan di Malaysia telah menetapkan pencapaian akademik para pelajar mesti di tahap terbaik (PPPM, 2013-2025). KPM menetapkan sasaran dan aspirasi untuk meningkatkan sistem pendidikan berkualiti yang berkesan dengan adanya kerjasama semua pihak khususnya menuntut dukungan penuh warga pendidik di sekolah. (KPM, 2013). Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) menegaskan inisiatif membangunkan profesionalisma berterusan pemimpin sekolah serta guru amat penting bagi melahirkan para guru dan pengurus sekolah yang dapat melaksanakan tugas kerana ianya merupakan faktor yang dapat membentuk kemenjadian murid (KPM, 2014). Kurikulum formal perlu menerapkan kepimpinan guru agar kebolehan mengoptimumkan sumber bagi tujuan merangka dan melaksanakan usaha holistik aspirasi pendidikan berkesan dapat dilaksanakan. (Nur Aishah Barbara Abdullah & Venson Gumpitak, 2023).

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dirangka mensasarkan bidang pendidikan agar berusaha sepenuhnya bagi melahirkan insan pendidik serta barisan pentadbir berketrampilan cekap untuk meneraju (KPM 2015). Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) telah memperkenalkan pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi menghasilkan para guru yang mempunyai kualiti tinggi dan relevan dalam sistem pendidikan negara melalui program latihan keguruan, mengkaji semula proses pemilihan bakal guru, meningkatkan kualiti kecemerlangan institut perguruan, dan meningkatkan peluang kerjaya guru dan menjaga kebajikan para guru. Pembangunan profesionalisme keguruan adalah proses pembelajaran yang formal di sekolah untuk menyiapkan guru dengan ilmu pedagogi yang merangkumi pengetahuan guru agar

mereka berkeupayaan menjalankan tugas mengajar dengan berkesan untuk mencapai visi serta misi sekolah (Ayob Jantan, 2018).

Peningkatan mutu para pendidik melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) serta menilai keberkesanan proses PdPC akan menentukan kemenjadian dan perkembangan potensi murid dipengaruhi efikasi sendiri guru (Gan, Y & Mohd Izham, M.H, 2023; Perera et al., 2019). Suasana pembelajaran berkesan serta kondusif amat memerlukan guru yang mempunyai tingkah laku beradab dan terpuji. (Norakmar et al., 2019). Manakala, Norsimah & Mahadzir (2020) mempunyai bukti efikasi sendiri guru tinggi akan menunjukkan tahap berprestasi kerja yang tinggi atau sebaliknya (Norsimah & Mahadzir, 2020).

Di samping itu, Kemahiran pedagogi guru menentukan keupayaan efikasi sendiri guru yang dapat meningkatkan keberkesanan guru menjalankan tugas hakiki (Baharuzaini et al., 2016; Bruun & Evans, 2020; Hoi et al., 2017). Justeru, menjadikan efikasi sendiri seharusnya menjadi satu penanda aras akan keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran sebaiknya (Bruun & Evans, 2020; Mohd Zainal Abidin Che Mood et al., 2017; Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Menurut Nor Hazizah Julaihi et al. (2019), menyatakan kualiti pendidikan di Malaysia ditentukan tahap efikasi sendiri guru, kerana guru yang memiliki keyakinan diri yang baik akan sentiasa berusaha meningkatkan komitmen mereka dalam usaha memperkukuh amalan mutu pendidikan. Seterusnya, guru yang mempunyai efikasi sendiri dapat menerima perubahan bagi mendalami bidang pengetahuan terkini agar dapat memberi nilai tambah bagi meningkatkan guru yang mempunyai banyak berkemahiran dan menguasai pelbagai pedagogi pengajaran bagi memenuhi tuntutan pembelajaran semasa murid-murid (Aswaniza Shamsudin & Rosadah Abd Majid, 2018).

Profesional keguruan adalah aspek yang paling utama dalam usaha memberikan didikan dan mengajar untuk melahirkan sebuah tamadun bangsa yang dapat memberikan panduan serta bimbingan agar seseorang mampu memberikan sumbangan kepada orang lain dan menepati aspirasi FPK (KPM, 2021). Para pendidik mesti bersikap profesional dan berketerampilan dalam menggalas tanggungjawab besar untuk menyediakan generasi yang akan datang agar berkemampuan hidup dengan cemerlang merangkumi aspek intelek, emosi dan sahsiah (Noraznida Husin et al., 2022). Masalah tekanan kerja serta bidang tugas yang mencabar pada masa kini turut juga melibatkan profesion keguruan.

### **Penyataan Masalah**

Transformasi pendidikan di Malaysia adalah bertunjangkan PPPM 2013–2025 dan FPK untuk merealisasikan pendidikan yang seimbang dengan menekankan kemenjadian murid sebagai matlamat utama sistem pendidikan negara, KPM telah mengambil inisiatif memperkukuh mutu profesionalisme keguruan. Usaha diterjemahkan berdasarkan Anjakan Ke-4 PPPM iaitu “Mentransformasikan Keguruan sebagai Profesion Pilihan”. Anjakan ke-4 menyatakan, laluan kerjaya telah diperluas bagi memberi peluang kepada warga pendidik untuk memainkan peranan sebagai pemimpin, sama ada sebagai pakar pengajaran mahupun pakar dalam bidang pendidikan tertentu di samping membentuk sikap cemerlang berpada kepimpinan dalam kalangan rakan sekerja. PPPM 2013 – 2025 dengan jelas menggariskan melalui anjakan keempat ini, penerapan kepimpinan guru juga diramal menjadi penggerak kepada arah kemenjadian murid menjadi individu yang memimpin dengan baik. Pendidik perlulah bersedia mencapai arah perubahan Gelombang ke-3 (2021-2025) iaitu kepada kecemerlangan peningkatan pengurusan diri sendiri, iaitu “terus mempraktikkan budaya cemerlang profesional, yang dibimbing oleh rakan sejawat, iaitu guru dan pemimpin sekolah saling membimbing,

berkongsi pengalaman terbaik dan memastikan rakan sejawat mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi standard profesionalisme” (KPM 2013).

Penelitian mendalam mengenai kepemimpinan guru perlu terus dijalankan, khususnya dengan menyesuaikan kajian kepada latar persekitaran dan objektif tertentu (Berry, Daughtrey & Wieder, 2010). Penyelidikan berkaitan kepemimpinan guru masih terhad serta banyak dijalankan di bahagian kawasan timur berbanding kawasan lain di Semenanjung Malaysia. Kajian-kajian tersebut termasuk kajian oleh Noor Azam (2012) dan Norashikin et al. (2015) Kajian berkaitan kepemimpinan guru telah dilaksanakan di pelbagai zon di Malaysia, antaranya di Johor yang mewakili zon selatan (Zuraidah Juliana et al., 2014), di Kedah bagi zon utara, serta oleh Hailan et al. (2013) yang meliputi keseluruhan negara. Sehubungan itu, penyelidikan ini difokuskan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Sarawak, dengan tujuan meneliti tahap kepemimpinan guru di sekolah tersebut. Penemuan kajian lepas membuktikan bahawa kepemimpinan guru berperanan signifikan dalam meningkatkan kecemerlangan akademik murid melalui pelbagai aspek seperti pengukuhan komuniti pembelajaran profesional (PLC), komunikasi yang berkesan, peningkatan motivasi dan efikasi sendiri, harga diri guru, penguasaan pedagogi, serta pembentukan sekolah yang positif (Berry et al., 2010; Simsek & Atinkurt, 2010; Sivrani, 2007; Heck, 2008; Abdullah Sani et al., 2007; Stronge et al., 2008; Silins & Mulford, 2000; Katzenmeyer & Moller, 2009).

Efikasi sendiri guru amat perlu agar guru dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan yakin. Ahmad Zabidi (2006), menyatakan efikasi sendiri ialah tahap keyakinan individu terhadap keupayaannya melaksanakan sesuatu tugas dengan berkesan. Kepercayaan bahawa tugas mampu diselesaikan akan meningkatkan peluang kejayaan, manakala ketiadaan keyakinan terhadap kebolehan diri menyebabkan kegagalan berlaku sebelum usaha dilakukan. Justeru, Ahmad Zabidi (2006) menegaskan bahawa pembinaan keyakinan diri yang positif merupakan asas penting bagi seseorang untuk memimpin dirinya ke arah pencapaian matlamat dan impian hidup. Cabaran dunia pendidikan kini menuntut efikasi sendiri guru yang amat baik bagi melaksanakan tugas yang mencabar. Semakin guru yakin dengan kemampuan dalam pengajaran, semakin minat pelajar di sekolah mampu beri kesedaran pelajar tentang kepentingan pelajaran. Kecekapan guru mengajar yang lebih baik terhadap pelajar akan memberikan kesan positif terhadap guru (Woolfolk, Rosoff & Hoy, 1990).

Kajian-kajian lepas banyak mendedahkan kritikan terhadap kelayakkan guru dalam melaksanakan pengajaran tetapi turut menyatakan bahawa efikasi sendiri akan mampu mencorakkan kecemerlangan akademik murid. Beberapa kajian lepas telah melibatkan efikasi sendiri guru antaranya; Kajian oleh Baharuzaini Bahrainet al., (2016) menyelidik perkaitan pemboleh ubah gaya kepemimpinan guru besar dan efikasi sendiri guru di Gua Musang. Janary Lumbai & Shukri Zain pula telah mengkaji ‘Pengaruh Amalan Kepimpinan Organisasi, Efikas Kendiri dan Norma-Norma Budaya Terhadap Keprihatinan Guru Sekolah Kebangsaan di Sarawak’. Rosnarizah Abdul Halim & Hussein Ahmad, (2016) telah mengkaji tentang ‘Kepimpinan Distributif, Faktor Kontekstual dan Efikasi Kendiri Guru Di Malaysia’. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui laporan PPPM 2013-2025 telah melaporkan bahawa hanya dua belas peratus pengajaran guru berada pada standard tinggi, manakala tiga puluh lapan peratus berada pada tahap memuaskan dan selebihnya, iaitu 50%, masih berada pada tahap tidak memuaskan. Berdasarkan situasi ini, timbul keperluan untuk meneliti isu efikasi sendiri guru untuk menjalankan tugas bagi memastikan pencapaian kualiti dan harapan terhadap keberkesanan pengajaran. Sehubungan itu, pengkaji melihat bahawa kajian mengenai efikasi sendiri guru amat signifikan, kerana ia berpotensi memberikan

gambaran yang lebih menyeluruh tentang hubungan antara kepemimpinan guru, tekanan kerja, serta tahap efikasi sendiri guru itu sendiri.

### Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian yang telah dibina:

- i. Mengetahui tahap amalan kepemimpinan guru sekolah rendah SABK di Sarawak
- ii. Mengetahui tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak
- iii. Menentukan hubungan antara amalan kepemimpinan guru dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak
- iv. Menentukan pengaruh kepemimpinan guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak

### Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidikan akan berteraskan model kepemimpinan guru Katzenmeyer dan Moller (2009) sebagai kerangka teoretikal kajian. Meyer dan Moller (2009) menyatakan hasil kajian tersebut menunjukkan terdapat tujuh (7) dimensi kepemimpinan guru merangkumi dimensi fokus perkembangan, dimensi pengiktirafan, dimensi autonomi, dimensi hubungan kejelekitan, dimensi penyertaan, dimensi komunikasi terbuka dan dimensi persekitaran positif.

Tschannen-Moran dan Hoy (2001) memperkenalkan soal selidik Model Efikasi Kendiri Guru yang mengandungi tiga (3) dimensi dalam efikasi sendiri guru iaitu dimensi strategi pengajaran, dimensi pengurusan bilik darjah dan dimensi penglibatan murid. Soal selidik yang dipilih adalah merupakan soal selidik yang telah dibina dan telah digunakan secara meluas oleh pengkaji pemboleh ubah efikasi sendiri guru.

### Literatur

Katzenmeyer dan Moller (2009) menekankan bahawa kepemimpinan guru kemampuan seorang pendidik untuk berperanan dengan tujuan mengetahui keperluan serta memberi sumbangan kepada komuniti guru dan pihak pengurusan sekolah. Guru berkenaan mampu mempengaruhi rakan sejawat dan pelajar bagi meningkatkan kualiti amalan pendidikan, sambil mengambil tanggungjawab kepemimpinan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Kepimpinan guru memainkan peranan penting dalam pembentukan guru profesional (Hamidah et al., 2016). Wenner dan Campbell (2016) dalam sorotan kepemimpinan guru, tugas dan tanggungjawab pengetua dapat diagihkan dan dikongsi bersama dengan guru-guru serta dapat menggalakkan kreativiti dalam kalangan guru. Konstruk dalam kepemimpinan guru merupakan fenomena sekolah yang memberi kesan terhadap keberkesanan dan penambahbaikan sekolah, budaya sekolah, kepercayaan antara pengetua dengan guru, serta efikasi kolektif guru (Flood & Angelle, 2017). Kepimpinan guru diharapkan dapat menjadikan sekolah sebagai komuniti pembangunan profesional yang biasanya dikaitkan dengan peningkatan kualiti PdP dan pencapaian murid (Voelkel & Chrispeels, 2017).

Menurut Sinha dan Hanuscin (2017), proses pembangunan kepemimpinan guru melibatkan tiga aspek penting iaitu pandangan tentang kepemimpinan, penglibatan dalam amalan kepemimpinan, dan pembangunan identiti kepemimpinan. Pembangunan identiti kepemimpinan guru memerlukan keyakinan diri, sokongan, dan cadangan dari pentadbir serta rakan sekerja. Sehubungan dengan itu, pengetua dan para pentadbir perlu berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif di sekolah bagi pembangunan kepemimpinan guru. Guru perlu digalakkan dan diberi peluang untuk memegang peranan kepemimpinan termasuk melibatkan mereka dalam pembuatan keputusan berkaitan isu sekolah, kerjasama antara guru senior atau berpengalaman dengan guru

baru, dan memberi pengiktirafan sama rata kepada kepimpinan formal serta tidak formal (Sinha & Hanuscin, 2017).

Mahaliza, Mohd Asri, Khalip, dan Hamidah (2018) merujuk kepimpinan guru sebagai suatu kemahiran guru menerajui aktiviti serta keupayaannya untuk mempengaruhi keseluruhan komuniti sekolah bagi mencapai objektif dan sasaran ditentukan iaitu memberikan fokus elemen kepimpinan iaitu pengetahuan, kemahiran, dan nilai untuk pengaruhi kelompok murid, guru-guru, dan masyarakat sekitar sekolah (Katzenmeyer & Moller, 2009; Phelps, 2008). Menurut Lizana (2022) konsep dan definisi kepimpinan guru dapat dikaitkan dengan tiga elemen iaitu nilai dan norma yang dikongsi bersama dalam kalangan guru, peluang guru memimpin secara formal atau tidak, dan guru sebagai pengamal kepimpinan instruksional.

Efikasi sendiri guru sering dianggap sebagai elemen asas dalam usaha meningkatkan kualiti sesebuah sekolah dan telah ditunjukkan mempunyai kaitan signifikan dengan pelbagai aspek pendidikan, termasuk perilaku guru di dalam kelas, proses belajar murid-murid, dan transformasi profesional guru menerusi pembangunan sendiri (Smylie, dalam Ebmeier, 1999). Bandura (1977), melalui perspektif “*Social Cognitive Theory*”, menegaskan bahawa individu memiliki kemampuan untuk melaksanakan tugas tertentu, namun keberkesanan kemampuan ini dipengaruhi oleh faktor subjektif individu, suasana kerja, dan perilaku guru. Hubungan antara ketiga-tiga faktor ini membentuk asas bagi keyakinan diri individu, yang seterusnya mempengaruhi keputusan dan tindakan yang diambil dalam konteks profesional.

Bidang efikasi sendiri guru secara berterusan telah menarik minat pengkaji dalam tempoh 30 tahun kebelakangan (Kirk, 2016). Faktor efikasi sendiri guru mempunyai kaitan dengan keberkesanan guru dari aspek penyampaian maklumat, peranan sebagai pemudah cara, dan peranan dalam memudahkan (regulate) pembelajaran murid. Oleh itu, pengetua berperanan penting memupuk usaha menambahbaik efikasi sendiri guru seterusnya menjamin prestasi guru (Sehgal et al., 2017). Kajian lepas berkaitan gaya kepimpinan guru dan efikasi guru cenderung bertumpu kepada gaya kepimpinan instruksional (Çalik & Kilinç, 2012).

Menurut Larson et al. (1992), efikasi sendiri guru merujuk kepada jangkaan awal seseorang akan kemampuannya berdasarkan pengetahuan sedia ada bagi melaksanakan perkara yang dilakukannya. Guskey dan Passaro (1994) memberikan definisi efikasi sendiri guru adalah yakin diri seseorang dalam merancang dan menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada murid-muridnya. Manakala Tschannen-Moran, Hoy, dan Hoy (1998) menekankan keyakinan seseorang guru terhadap keupayaannya menghasilkan matlamat yang dikehendaki dari aspek penglibatan dan pembelajaran dalam kalangan murid, termasuk murid yang mengalami kesukaran atau kurang bermotivasi. Efikasi sendiri guru juga boleh dianggap sebagai pendapat peribadi seseorang guru terhadap kebolehannya untuk memilih, merancang, dan melaksanakan aktiviti dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan (Goddard, Hoy, & Hoy, 2007).

Secara amnya, efikasi sendiri bermaksud percaya diri individu untuk melaksanakan tugas dengan jayanya. Protheroe (2008) membahagikan efikasi guru kepada efikasi pengajaran peribadi “*teacher’s personal teaching efficacy*”, iaitu keyakinan guru terhadap kemampuan diri sendiri untuk mentadbir serta menyampaikan pengajaran yang berkesan, dan efikasi pengajaran secara umum “*general teaching efficacy*” yang menekankan persepsi guru terhadap kesan pengajaran terhadap pembelajaran pelajar secara lebih luas.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui edaran soal selidik kepada responden. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif deskriptif inferensi bagi mengenal pasti tahap dan bagi menganalisis pengaruh antara dua faktor yang dikaji. Menggunakan instrumen amalan kepimpinan guru (*Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA)*) yang diperkenalkan oleh Katzenmeyer dan Moller (2001) dan instrumen *Teacher's Self Efficacy Scale (TSES)* oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) digunakan bagi menjalankan kajian ini. Bahagian A maklumat demografi responden, Bahagian B, amalan kepimpinan guru dan Bahagian C, efikasi sendiri guru. Kajian ini dijalankan secara pensampelan kaedah banci (*census*) melibatkan 353 guru di Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan di Sarawak. Ini bermakna semua populasi merupakan sampel kajian.

## Dapatan Kajian

Analisis demografi sampel kajian terdiri daripada 353 guru-guru sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak yang melibatkan 72.2% atau 252 orang guru perempuan, manakala 27.8% atau 98 orang adalah guru lelaki. Kategori kumpulan umur 35 tahun atau kurang mewakili 21.2%, 31 tahun hingga 40 tahun 29.7%, bersamaan 105 orang, sementara berumur 41 tahun hingga 50 tahun 28.3% atau 100 orang, manakala 20.7% berumur 51 tahun hingga 60 tahun. Tahap pendidikan sampel kajian adalah dalam kalangan guru yang berkelulusan ijazah sarjana muda paling ramai 276 orang iaitu 78.2% dan paling sedikit berkelulusan STPM/STP iaitu 0.3% atau 1 orang. Sampel berkelulusan SPM/MCE adalah 6.2% atau 22 orang, peringkat diploma seramai 21 orang atau 5.9%, manakala baki 9.3% iaitu seramai 33 orang adalah lulusan peringkat sarjana.

### Tahap Amalan Kepimpinan Guru

Bagi menentukan tahap amalan kepimpinan guru analisis statistik deskriptif digunakan iaitu berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian daripada sampel (N=353) guru-guru sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak menunjukkan tahap amalan kepimpinan guru secara keseluruhannya adalah tinggi, iaitu pada nilai (M=4.23, SD=.477). Dimensi paling tinggi adalah komunikasi terbuka dengan nilai min (M=4.24, SD=.532) dan paling rendah adalah fokus perkembangan pada tahap (M=4.08, SD=.198). Manakala dimensi pengiktirafan pada tahap (M=4.09, SD=.225), dimensi autonomi pada tahap (M=4.27, SD=.528, dimensi kejelekitan pada tahap (M=4.20, SD=.529), dimensi penglibatan pada tahap (M=4.23, SD=.520) dan diikuti (M=4.34, SD=.504) persekitaran positif.

Jadual 1. Tahap Dimensi-Dimensi Amalan Kepimpinan Guru

Pemboleh Ubah Bebas	Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Amalan Kepimpinan Guru	Fokus Perkembangan	4.08	0.198	Tinggi
	Pengiktirafan	4.09	0.225	Tinggi
	Autonomi	4.27	0.528	Tinggi
	Kejelekitan	4.20	0.529	Tinggi
	Penglibatan	4.23	0.520	Tinggi
	Komunikasi Terbuka	4.24	0.532	Tinggi
	Persekitaran Positif	4.34	0.504	Tinggi
	Min Keseluruhan	4.23	0.477	Tinggi

### Tahap Amalan Efikasi Kendiri Guru

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan min bagi efikasi kendiri guru adalah tinggi iaitu ( $M=4.21$ ,  $SD=.403$ ). Dimensi pengurusan kelas adalah tertinggi pada nilai ( $M=4.27$ ,  $SD=.451$ ) sementara bagi dimensi strategi instruksional ( $M=4.20$ ,  $SD=.436$ ) dan dimensi penglibatan murid, tahap paling rendah pada nilai min ( $M=4.14$ ,  $SD=.427$ ).

**Jadual 2: Tahap Dimensi Efikasi Kendiri Guru**

Pemboleh Ubah Bersandar	Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Efikasi Kendiri Guru	Penglibatan Murid	4.14	0.427	Tinggi
	Strategi Instruksional	4.20	0.436	Tinggi
	Pengurusan Kelas	4.27	0.451	Tinggi
	Min Keseluruhan	4.21	0.403	Tinggi

### Hubungan antara Kepimpinan Guru dan Efikasi Kendiri Guru

Jadual 3 menunjukkan interpretasi data hubungan signifikan antara kepimpinan guru dengan efikasi kendiri guru di sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara kepimpinan guru dan efikasi kendiri guru,  $r = .573$ ,  $\text{sig} = .000$  ( $p < 0.05$ ). Justeru, hipotesis nol  $H_01$  “Tidak terdapat hubungan signifikan kepimpinan guru terhadap efikasi kendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak” ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan signifikan kepimpinan guru terhadap efikasi kendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak.

**Jadual 3: Hubungan Antara Kepimpinan Guru dengan Efikasi Kendiri Guru**

Kolerasi		Amalan Kepimpinan Guru	Efikasi Kendiri Guru
Amalan Kepimpinan Guru	Pearson Correlation	1	.573**
	Sig. (2-Tailed)		.000
	N	353	353
Efikasi Kendiri Guru	Pearson Correlation	.573**	1
	Sig. (2-Tailed)	.000	
	N	353	353

### Pengaruh Kepimpinan Guru terhadap Efikasi Kendiri Guru

Berdasarkan Jadual 4, analisis dapatan kajian melibatkan ( $N=353$ ) sama ada terdapat pengaruh signifikan atau tidak antara kepimpinan guru dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak. Interpretasi data kajian menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan kepimpinan guru sebanyak 32.8% berdasarkan Nilai R Square ( $R^2$ ) Change adalah 0.328 terhadap efikasi kendiri guru ( $F = 171.282 = .18,780$ ,  $\text{sig} = .000$  ( $p < 0.05$ )). Oleh itu, hipotesis nol  $H_04$  “Tidak terdapat pengaruh signifikan kepimpinan guru terhadap efikasi kendiri guru sekolah rendah SABK di Sarawak” ditolak. Secara ringkasnya, analisis ini membuktikan terdapat pengaruh signifikan kepimpinan guru terhadap tekanan kerja guru sekolah rendah SABK di Sarawak.

**Jadual 4: Pengaruh kepimpinan guru terhadap efikasi sendiri guru**

Pemboleh Ubah	B	Beta	Nilai T	Sig	R Square Change	Sumbangan (%)
Pemalar Efikasi	2.159		13.707	.000		
Kendiri Guru	.484	.573	13.087	.000	.328	32.8

### Perbincangan

Hasil dapatan penyelidikan ini sejajar dengan kajian oleh Norashikin et al., (2015), Azhar et al., (2016), Hamidah dan Hung (2018), Wan Ameera Farhah dan Mahaliza (2018), Nor Lizana et al., (2020), Muhammad Nur Asnawi Romly & Rosnah Ishak (2021), Saraswathy Kullana, et al., (2021), Nik Husaimie Che Omar et al., (2021), Khalip Musaa & Mohd Khairi Md Akhir (2021), Masyitah dan Rosnah (2022) turut mendapati tahap kepimpinan guru didapati mencatat tahap tinggi. Kajian dijalankan Saraswathy Kullana et al. (2021) membuktikan dimensi dalam kepimpinan guru yang mencatat tahap tertinggi ialah dimensi kepelbagaian dengan min = 4.53 manakala nilai min = 4.43 bagi dimensi penambahbaikan berterusan mencatat tahap terendah.

Seterusnya, hasil analisis terhadap kepimpinan guru di sekolah rendah SABK Sarawak membuktikan bahawa semua dimensi dalam kepimpinan guru berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis mendapati dimensi persekitaran positif mencatatkan nilai min tertinggi dalam domain kepimpinan guru. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Sarah Sandanasamy Paul (2023) yang turut mengkaji aspek sama dalam kepimpinan guru, iaitu aspek fokus perkembangan, dimensi pengiktirafan, dimensi autonomi, dimensi kejelekitan, dimensi penglibatan, dimensi komunikasi terbuka dan dimensi persekitaran positif, juga pada tahap tinggi. Namun dalam kajian Sarah Sandanasamy Paul (2023) menunjukkan nilai min tertinggi ialah dimensi fokus perkembangan.

Dapatan kajian turut mendapati dimensi fokus perkembangan menunjukkan min terendah berbanding enam dimensi yang lain. Manakala dalam kajian Sarah Sandanasamy Paul (2023) menunjukkan bahawa fokus perkembangan pula mencatat min tertinggi berbanding dimensi lain. Berdasarkan beberapa kajian lepas, tiada dimensi yang menjadi dominan atau menonjol sebagai satu dimensi yang sering mencatat nilai min yang sentiasa tertinggi dalam kepimpinan guru, dengan erti kata lain, setiap kajian menunjukkan dimensi yang tidak kekal atau tetap mencatat nilai min tertinggi dan nilai min terendah sering berubah-ubah.

Hasil penyelidikan selaras dengan dapatan kajian lalu yang telah dilaksanakan di sekolah kebangsaan yang turut menyatakan efikasi sendiri guru mencapai tahap tinggi. Kajian-kajian tersebut merangkumi kajian oleh Abdul Rahim dan Zahari (2018); Ahmad Akram Zaki dan Mohd Izwan Mahmud (2022); Baharuzaini et al., (2016); Gan Yin dan Mohd Izham (2023); Janary dan Shukri (2016); Jennifer dan Faridah (2020); Mohd Rosman et al., (2023). Noor Zaliani dan Azlin Norhaini (2017); Nor Lizana dan Khalip (2022); Nurul Atiqah dan Faridah Mydin Kutty (2021); Puspathan dan Mahaliza (2020); serta Sinirah dan Aida Hanim (2021).

Analisis data kajian membuktikan bahawa terdapat tiga dimensi yang terlibat dalam keberkesanan guru di sekolah rendah agama bantuan kerajaan di Sarawak berada pada tahap yang tinggi. Dimensi pengurusan kelas mencatat nilai purata tertinggi ialah 4.27, manakala nilai sisihan piawai bersamaan ialah 0.451, yang bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Zulaine et al. (2021). Justeru, menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah rendah agama bantuan

kerajaan di Sarawak berkemampuan dan wibawa untuk memastikan murid-murid memahami dan mematuhi peraturan kelas serta menyampaikan nasihat untuk murid-murid yang melanggar peraturan kelas. Ini membantu memastikan bilik darjah sentiasa dalam keadaan terkawal dan sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Kepekaan guru terhadap murid berusaha memperbaiki dan mempertingkatkan disiplin dan tingkah laku yang diinginkan dalam bilik darjah, sehingga memastikan proses pembelajaran berjalan secara aktif dan lancar.

Kajian lain berkaitan kepimpinan guru iaitu hubungan kepimpinan guru dan kepimpinan distributif pengetua oleh Che Omar et al., (2021) mendapati wujud hubungan pada tahap tinggi yang positif antara amalan kepimpinan distributif pengetua dengan kepimpinan guru di 6 buah sekolah di Muadzam Shah, Pahang. Kajian yang di buat oleh Muhammad Nur Asnawi dan Rosnah Ishak pada tahun 2021 pula menunjukkan hubungan signifikan positif dan kuat antara amalan organisasi pembelajaran dengan tahap kepimpinan guru. Kesan tersebut menunjukkan bahawa amalan organisasi pembelajaran telah membantu usaha meningkatkan tahap kepimpinan guru dalam kalangan guru pedalaman. Daerah Batang Padang (Muhammad Nur Asnawi dan Rosnah Ishak (2021). Manakala dapatan kajian oleh Musa, K, dan Md Akhir, M. K. (2021) mendapati kepimpinan guru mempunyai hubungan positif sederhana pada aras signifikan dengan keberhasilan pelajar.

Shen et al. (2020) mendapati hubungan antara kepimpinan guru dengan pencapaian murid menggunakan meta-analisis statistik untuk mendapatkan hubungan antara kepimpinan guru dan pencapaian pelajar, dan analisis membuktikan terdapat hubungan signifikan pada tahap rendah berdasarkan statistik hubungan positif antara kepimpinan guru dan pencapaian pelajar ( $r = .19$ ), dan analisis memperoleh hubungan yang lebih kukuh untuk pencapaian matematik berbanding pencapaian membaca ( $r = .24$  untuk matematik vs.  $r = .18$  untuk membaca).

Kajian Talip (2016) yang melibatkan 33 buah sekolah menengah dalam kalangan 360 orang guru di Sarawak mendapati terdapat pengaruh yang signifikan kepimpinan pengajaran terhadap efikasi sendiri guru dan turut mendapati bahawa pengaruh tidak langsung kepimpinan pengajaran terhadap efikasi sendiri guru disumbangkan oleh pemboleh ubah budaya sekolah sebagai mediator. Manakala kajian oleh Khalip Musa dan Mohd Khairi (2021) mendapati kepimpinan guru telah mempengaruhi secara sederhana dan signifikan terhadap keberhasilan pelajar sebanyak 26.5% dan membuktikan terdapat pengaruh signifikan kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar pada tahap sederhana.

Julinda Siregar et al., (2022) menyatakan pengaruh yang signifikan kepimpinan guru terhadap pencapaian pembelajaran pengajian sosial. Justeru guru hendaklah sentiasa meningkatkan kemahiran kepimpinan. Guru menyediakan rancangan pengajaran dengan baik, mengenali ciri-ciri pelajar supaya pengurusan bilik darjah dan pembelajaran dapat optimum dan mencapai hasil pembelajaran. Walau bagaimanapun, Aziah et al. (2015) mendapati tidak terdapat sebarang pengaruh amalan komuniti pembelajaran profesional terhadap peningkatan tahap efikasi sendiri.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kepimpinan guru memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap efikasi sendiri guru di sekolah. Hasil analisis menunjukkan dimensi kepimpinan guru seperti kolaborasi profesional, pengaruh dalam komuniti pembelajaran, inovasi pedagogi, serta penglibatan dalam membuat keputusan memberi sumbangan yang positif terhadap keyakinan guru dalam merancang, melaksana, dan

menilai proses pengajaran serta pembelajaran. Dapatan ini sejajar dengan aspirasi utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, khususnya dalam anjakan ke-4 dan ke-5 yang menekankan kepimpinan berprestasi tinggi dan pengupayaan guru sebagai agen perubahan. Hal ini selaras dengan matlamat PPPM untuk melahirkan guru yang kompeten, berdaya tahan, dan mampu menyokong kemenjadian murid melalui inovasi serta kepimpinan instruksional yang berkesan.

### **Penghargaan**

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia (Prof. Madya Dr. Khalip Bin Musa) pengajian saya dan pihak UPSI khususnya Fakulti Pendidikan Dan Ekonomi kerana membantu saya melaksanakan kajian ini dengan baik dan jayanya

## Rujukan

- Abdullah Sani, A., Norhasniza, H., & Mohd Faizal, A. (2007). *Kepimpinan guru dan pencapaian akademik pelajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, N. A. B., & Gumpitak, V. (2023). *Penerapan Kepimpinan Guru Ke Arah Pencapaian Akademik Mata Pelajaran TVET Sekolah Menengah, ICELAM*
- Aswaniza Shamsudin, & Rosadah Abd Majid. (2018). *Self- Efficacy of School in-Hospital Teacher in Malaysia*. *Journal of Social Science & Humanities* <http://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1121>
- Ayob Jantan. (2018). *PAK 21 Mentransformasik Kepimpinan Berprestasi Tinggi*. Perpustakaan Negara Malaysia. ISBN 978-967-13386-6-7
- Baharin, Baharuzaini and Adnan, Muhammad Hisham and Mohd Zin, Mohd Hanif and Kamaludin, Mohd Norhisyam and Mansor, Azlin Norhaini (2016) *Gaya kepimpinan Guru Besar dan tahap efikasi guru*. *Journal of Personalized Learning*. pp. 9-17. <http://eprints.iab.edu.my/v2/id/eprint/1207>
- Bandura, A. (1977). *Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change*. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social-Cognitive View*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, 1986, 617 pp., cloth. *Academy of Management Review*, 12(1), 169–171. <https://doi.org/10.5465/amr.1987.4306538>
- Berry, B., Daughtrey, A., & Wieder, A. (2010). *Teacher leadership: leading the way to effective teaching and learning*. *Center for Teaching Quality*. Retrieved from <https://eric.ed.gov/?id=ED509719>
- Bruun, J., & Evans, R. H. (2020). *Network Analysis of Survey Data to Identify Non-Homogeneous Teacher Self-Efficacy Development in Using Formative Assessment Strategies*. *Education Sciences*, 10(3), 54. <https://doi.org/10.3390/educsci10030054>
- Çalik, T., Sezgin, F., Kavgaci, H., & Cagatay Kilinc, A. (2012). *Examination of relationships between instructional leadership of school principals and self-efficacy of teachers and collective teacher efficacy*. *Educational sciences: Theory and practice*, 12(4), 2498-2504. Retrieved from <https://eric.ed.gov/?id=EJ1002859>
- Ebmeier, H., & Nicklaus, J. (1999). *The impact of peer and principal collaborative supervision on teachers' trust commitment, desire for collaboration, and efficacy*. *Journal of Curriculum and Supervision*, 14(4), 351. Retrieved from <https://www.proquest.com/scholarly-journals/impact-peer-principal-collaborative-supervision/docview/196367364/se-2>
- Flood, L. D., & Angelle, P. S. (2017). *Organisational influences of collective efficacy and trust on teacher leadership*. [https://www.researchgate.net/publication/336742341\\_Organizational\\_influences\\_of\\_collective\\_efficiency\\_and\\_trust\\_on\\_teacher\\_leadership](https://www.researchgate.net/publication/336742341_Organizational_influences_of_collective_efficiency_and_trust_on_teacher_leadership)
- Gan, Y., & Mohd Izham, M. H. (2023). *Amalan Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Efikasi Kendiri Guru SJKC*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002188. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2188>
- Goddard, R. D., Hoy, W. K., & Hoy, A. W. (2007). *Collective Teacher Efficacy*. *Essential Ideas for the Reform of American Schools*, 139–170. <https://doi.org/10.1108/978-1-60752-599-820251013>
- Guskey, T. R., & Passaro, P. D. (1994). *Teacher efficacy: A study of construct dimensions*. *American Educational Research Journal*, 31(3), 627–643. <https://doi.org/10.3102/00028312031003627>

- Heck, R. H. (2008). Teacher effectiveness and student achievement: Investigating a multilevel cross-classified model. *Journal of Educational Administration*, 46(2), 227–249. <https://doi.org/10.1108/09578230910941066>
- Lumbai, J. A. (2016). *Pengaruh amalan kepimpinan berstruktur, efikasi guru dan norma-norma budaya terhadap keprihatian tugas guru sekolah kebangsaan di Sarawak* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah).
- Katzenmeyer, M., & Moller, G. (2009). *Awakening the sleeping giant: Helping teachers develop as leaders* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) Guru*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Laporan pendidikan*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Transformasi Nasional 2050 (TN50): Aspirasi Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Laporan tahunan pendidikan Malaysia*. Putrajaya: KPM.
- Kirk, J. (2016). *Principal Leadership and Teachers' Sense of Self-Efficacy. A Meta-Analysis*. The George Washington University ProQuest Dissertations & Theses.
- Larson, L. M., Suzuki, L. A., Gillespie, K. N., Potenza, M. T., Bechtel, M. A., & Toulouse A. L. (1992). Development and validation of the Counselling Self Estimate Inventory. *Journal of Counselling Psychology*, 39(1), 105-120. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0022-0167.39.1.105>
- Noor Lizana, K. (2022). *Pengaruh kepimpinan distributif pengetua terhadap pembangunan kepimpinan guru dan efikasi sendiri guru sekolah menengah kebangsaan*. Tanjong Malim.
- Mahaliza Mansor, Mohd Asri Mohd Noor, Khalip Musa, & Hamidah Yusof. (2018). Pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan inventori kepimpinan guru. *Management Research Journal*, 8(1), 132–145.
- Norashikin, A. B., Basri, R., & Foo, S. F. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1(2), 1-11.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Foo, S. F. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1(2), 1–11.
- Perera, H. N., Calkins, C., & Part, R. (2019). Teacher self-efficacy profiles: Associations with job satisfaction and stress. *Contemporary Educational Psychology*, 58, 205–216. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2019.02.006>
- Phelps, P. H. (2008). Helping teachers become leaders. *The Clearing House*, 81(3), 119–122. <https://doi.org/10.3200/TCHS.81.3.119-122>
- Protheroe, N. (2008). Teacher efficacy: What is it and does it matter? *Principal*, 87(5), 42–45.
- Rosnarizah Abdul Halim, R., & Hussein Ahmad, H. (2016). Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual Dan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 47–61. Retrieved from <https://jice.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8358>
- Sarah Sandanasamy Paul K. (2023). The Relationship between Teacher Leadership and Teacher Commitment in National Type Secondary Schools in Klang, Selangor. *Management Research Journal*, 12(2023), 42-52. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol12.sp.5.2023>

- Saraswathy Kullan, Mahaliza Mansor, & Rosnah Ishak. (2021). Teacher Leadership in Indigenous Primary Schools, Negeri Sembilan: Kepimpinan Guru di Sekolah Kebangsaan Asli, Negeri Sembilan. *Management Research Journal*, 10 (2021), 40-51. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.4.2021>
- Sehgal, P., Nambudiri, R., & Mishra, S. K. (2017). Teacher effectiveness through self-efficacy, collaboration and principal leadership. *International Journal of Educational Management*, 31(4), 505–517. <https://doi.org/10.1108/IJEM-05-2016-0090>
- Shen, J., Wu, H., Reeves, P., Zheng, Y., Ryan, L., & Anderson, D. (2020). The association between teacher leadership and student achievement: A meta-analysis. *Educational research review*, 31, 100357. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2020.100357>
- Silins, H., & Mulford, B. (2000). Leadership and school results. *International Journal of Educational Management*, 14(4), 178–190. [https://doi.org/10.1007/978-94-010-0375-9\\_21](https://doi.org/10.1007/978-94-010-0375-9_21)
- Sinha, S., & Hanuscin, D. L. (2017). Development of teacher leadership identity: A multiple case study. *Teaching and Teacher Education*, 63, 356–371. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.01.004>
- Stronge, J. H., Ward, T. J., & Grant, L. W. (2008). What makes good teachers good? A cross-case analysis of the connection between teacher effectiveness and student achievement. *Journal of Teacher Education*, 58(4), 339–355. <https://doi.org/10.1177/0022487111404241>
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). *Teacher efficacy: Capturing an elusive construct*. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783–805. [https://doi.org/10.1016/s0742-051x\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/s0742-051x(01)00036-1)
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202–248. <https://doi.org/10.3102/00346543068002202>
- Voelkel, R. H., & Chrispeels, J. H. (2017). Understanding the link between professional learning communities and teacher collective efficacy. *School Effectiveness and School Improvement*, 28(4), 505–526. <https://doi.org/10.1080/09243453.2017.1299015>
- Wenner, J. A., & Campbell, T. (2016). The theoretical and empirical basis of teacher leadership: A review of the literature. *Review of Educational Research*, 87(1), 134–171. <https://doi.org/10.3102/0034654316653478>
- Woolfolk, A. E., Rosoff, B., & Hoy, W. K. (1990). Teachers' sense of efficacy and their beliefs about managing students. *Teaching and Teacher Education*, 6(2), 137–148. [https://doi.org/10.1016/0742-051x\(90\)90031-y](https://doi.org/10.1016/0742-051x(90)90031-y)